

AKHBAR : KOSMO!

TARIKH : 02 JANUARI 2021

SENTIMEN : NEUTRAL

MUKA SURAT : 5

HARI : SABTU

Penangguhan bayaran balik PTPTN dilanjut tiga bulan lagi

PUTRAJAYA – Kira-kira 1.5 juta peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh menarik nafas lega selepas kerajaan bersetuju melanjutkan tempoh penangguhan bayaran balik selama tiga bulan lagi.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, keputusan itu diambil kerana kerajaan prihatin dan menyedari terdapat peminjam PTPTN yang masih terkesan dengan pandemik Covid-19 serta belum berupaya membuat bayaran balik pinjaman.

Beliau berkata, peminjam PTPTN boleh mengemukakan permohonan melalui portal rasmi PTPTN mulai 5 Januari hingga 31 Mac depan.

"Tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman bermula dari bulan permohonan pelanjutan diluluskan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noraini berkata, butiran berkenaan pelaksanaan pelanjutan penangguhan bayaran balik pinjaman ini akan diperincikan oleh PTPTN.

"Diharap pengumuman ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh para peminjam PTPTN," katanya.

Sebelum ini, kerajaan telah



PTPTN melanjutkan lagi tempoh bayaran balik pinjaman selama tiga bulan lagi bagi memberi kemudahan kepada peminjam. – GAMBAR HIASAN

menangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN bermula 19 Mac hingga 31 Disember tahun lalu kepada semua peminjam PTPTN berikutan pandemik Covid-19.

Untuk sebarang pertan-

yaan lanjut, peminjam boleh menghubungi Careline PTPTN menerusi talian 03-21933000 yang beroperasi setiap Isnin hingga Jumaat dari pukul 9 pagi hingga 5 petang.